



**PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI (JPK-ABAS)**

Januari 2010 – Jun 2010

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JPK-ABAS)**

1. AHLI JAWATANKUASA

1.1 Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPK-ABAS):

- | | | |
|--|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(Adun Kawasan Hulu Kelang) | - | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Lau Weng San
(Adun Kawasan Kampung Tunku) | - | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay
(Adun Kawasan Bukit Melawati) | - | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz
(Adun Kawasan Lembah Jaya) | - | Ahli |
| 5. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
(Adun Kawasan Subang Jaya) | - | Ahli |
| 6. Y.B. Dato' Mohamad Satim bin Diman
(Adun Kawasan Sri Serdang) | - | Ahli |
| 7. Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
(Adun Kawasan Jeram) | - | Ahli |

2. PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN

- 2.1 Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima (5) kali sehingga 30 Jun 2010 iaitu;
- i. Mesyuarat Bil.1/2010 pada 17 Mac 2010
 - ii. Mesyuarat Bil.2/2010 pada 19 April 2010
 - iii. Mesyuarat Bil.3/2010 pada 29 April 2010
 - iv. Mesyuarat Bil.4/2010 pada 5 Mei 2010
 - v. Mesyuarat Bil.5/2010 pada 30 Jun 2010
- 2.2 Berdasarkan keputusan Mesyuarat Bersama Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan Negeri Selangor pada 31 Julai 2009 yang memutuskan bahawa Laporan Audit Negara bagi Tahun 2008 yang menyentuh mana-mana jabatan di bawah bidang kuasa JPK-ABAS akan diserahkan kepada JPK-ABAS untuk penelitian bersama Jabatan Audit Negeri Selangor. Tujuan pembahagian ini adalah agar pengkhususan dapat diberikan oleh setiap Jawatankuasa Dewan dalam bidang masing-masing.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, JPK-ABAS telah menjemput Jabatan Audit Negeri Selangor pada Mesyuarat Bil.1/2010 untuk memberikan taklimat dan penerangan berhubung tanggungjawab dan peranan JPK-ABAS dalam membantu Jabatan Audit meneliti Laporan Audit. Pada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa telah diberikan taklimat oleh Y.Bhg. Dato' Anwari bin Suri selaku Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri). Turut hadir adalah Y. Bhg. Datin Paduka Ungku Arfah binti Ungku Tahir, Pengarah Audit Negeri Selangor dan Puan

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JPK-ABAS)**

Kasmawati binti Abdul Latif, Penolong Pengarah Audit Negeri Selangor.

- 2.4 Mesyuarat Bil.4/2010 merupakan mesyuarat bersama Jabatan Audit Negeri Selangor bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara 2008 berhubung Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan PKNS Infra Berhad. PKNS Infra Berhad telah dipanggil untuk melaporkan status terkini teguran-teguran Audit. Turut hadir di mesyuarat tersebut adalah Timbalan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri.
- 2.5 Pada 7 April 2010 bertempat di perkarangan Bangunan Annex, JPK-ABAS telah menerima aduan rasmi daripada Jawatankuasa Armada Putra, Klang berhubung sebuah badan *GLC (Government Link Company)*.
- 2.6 Selaras dengan tujuan penubuhan JPK-ABAS yang berfungsi untuk memantau Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, Mesyuarat Jawatankuasa Bil.2/2010 dan Bil.3/2010 telah memanggil Agensi-agensi terlibat untuk memberikan penjelasan dalam sesi pendengaran tertutup berhubung Operasi Pemotongan Air di Pangsguri Armada Putra, Pulau Indah, Klang. Agensi-agensi tersebut adalah seperti butiran berikut;
- i. SAP Urus Harta Sdn. Bhd
 - ii. INPENS International College
 - iii. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)
 - iv. Salient Wizard Sdn. Bhd.
 - v. ADSB Services Sdn. Bhd.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JPK-ABAS)**

- 2.7 Susulan daripada sesi Pendengaran Tertutup yang dilakukan, JPK-ABAS telah melakukan 2 sesi lawatan iaitu pada;
- i. 3 Mei 2010 ke Pangsapuri Armada Putra, Pulau Indah, Klang, jam 10.00 pagi; dan
 - ii. 13 Mei 2010 ke INPENS International College, Kuala Selangor, jam 10.00pagi.
- 2.8 Walau bagaimanapun, Isu Operasi Pemotongan Air di Pangsapuri Armada Putra ini masih dalam penelitian JPK-ABAS. JPK-ABAS akan menyediakan laporan khas berhubung permasalahan tersebut untuk dimaklumkan kepada Dewan dan pihak yang terlibat.

Penyata ini dikemukakan bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



HJ SAARI BIN SUNGIB
Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai
Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri
(JPK-ABAS)

